

## icapital.biz umum dividen interim sulung 10.41 sen

September 27, 2024 @ 3:33pm



Pengurus Dana ICAP, Tan Teng Boo. - NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

KUALA LUMPUR: icapital.biz Bhd (ICAP), satu-satunya dana tertutup tersenarai di Malaysia, hari ini mengumumkan dividen interim sulungnya sebanyak 10.41 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2025.

Pengumuman itu turut disertakan dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP), yang memberi peluang kepada pemegang saham untuk melabur semula dividen mereka dalam saham baharu ICAP.

Lembaga Pengarah ICAP menetapkan harga terbitan saham baharu berikutan DRP pada RM2.92 sesaham, yang hampir dengan purata harga pasaran wajaran volum lima hari sebelum tarikh penetapan harga iaitu RM3.02.

Tarikh kelayakan dividen akan diumumkan selepas mendapat kelulusan Bursa Malaysia untuk penyenaraian dan sebut harga saham baharu.

Pengurus Dana ICAP, Tan Teng Boo, berkata dasar dividen ini dirangka bagi memenuhi keperluan pelbagai pemegang saham, sama ada yang mencari peningkatan modal jangka panjang, memerlukan pengagihan tetap, atau memerlukan tunai daripada pegangan saham mereka.

"Kami yakin dengan prospek pertumbuhan ICAP dan melalui DRP ini, pemegang saham yang percaya pada peningkatan modal jangka panjang ICAP boleh terus mengekalkan penyertaan mereka dalam syarikat ini," katanya dalam satu kenyataan.

Dasar dividen inovatif ICAP pertama kali diumumkan pada 29 September 2023, yang merangkumi Kadar Asas 1 peratus daripada Nilai Aset Bersih (NAB) sesaham serta Kadar Tambah Nilai 8 peratus daripada perbezaan antara harga saham ICAP dan NAB.

Pemegang saham asing dalam had maksimum 20 peratus turut layak untuk menerima dividen interim serta menyertai DRP, selagi penyertaan mereka tidak melebihi had pemilikan yang ditetapkan.

Sementara itu, ICAP akan menganjurkan Hari Pelabur 2024 pada 26 dan 27 Oktober ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.